

LAPORAN KES PENDAKWAAN

Seorang pengarah syarikat Ceramic Gloss Sdn. Bhd., Hiew Mun Fai (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor bagi satu pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curangnya menghalang meter milik Tenaga Nasional Berhad daripada merekodkan dengan sempurnanya penggunahabisan elektrik dengan cara membuat sambungan haram pada ketiga-tiga Current Transformer di premis Ceramic Gloss Sdn. Bhd. Pada 19 Januari 2026, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM60,000.00 kepada OKS. OKS telah membayar denda tersebut.